



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2013

**PINDAAN TERMA DAN PERUBAHAN HAD UMUR
KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai pindaan terma Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dan perubahan had umur pelantikan secara KPSL.

LATAR BELAKANG

2. KPSL merupakan salah satu laluan kemajuan kerjaya melalui kaedah pelantikan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada pegawai sedang berkhidmat meningkat ke skim perkhidmatan lebih tinggi sama ada melalui kelayakan akademik atau Peperiksaan Khas. Terdapat dua jenis KPSL iaitu KPSL biasa dan KPSL Secara Istimewa (khusus kepada penyandang dalam skim perkhidmatan jumud). Terma KPSL ini sering menimbulkan kekeliruan kepada pegawai kerana ia merupakan urusan pelantikan biasa tetapi menggunakan terma “kenaikan pangkat”.

3. Sehingga kini, had umur bagi pelantikan secara KPSL kekal pada umur 54 tahun walaupun terdapat beberapa pilihan umur persaraan paksa iaitu sama ada 55, 56, 58 atau 60 tahun. Bagi memastikan pelaksanaannya sentiasa relevan dengan perubahan dan keperluan semasa, kerajaan bersetuju supaya terma dan had umur pelantikan secara KPSL dipinda.

PINDAAN

4. Terma KPSL yang berkuat kuasa dipinda kepada **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)** yang merujuk kepada suatu urusan pelantikan pegawai daripada skim perkhidmatan yang rendah kepada skim perkhidmatan yang lebih tinggi secara pelantikan baharu yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Melantik, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkaitan.

5. Perubahan had umur bagi pelantikan secara PSL ditetapkan seperti berikut:

- (a) 54 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun;
- (b) 56 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; dan
- (c) 58 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

6. Perubahan ini terpakai kepada semua skim perkhidmatan yang mempunyai perbekalan KPSL dan KPSL Secara Istimewa.

7. Dasar dan peraturan berkaitan dengan pelaksanaan PSL adalah kekal mengikut pekeliling perkhidmatan dan surat pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan sebelum ini.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2013**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan